# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 25 MAC 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | HARGA BERAS PUTIH IMPORT SUDAH TURUN: PENIAGA, LOKAL, HM -16<br>HANYA 5 PERATUS BERAS TEMPATAN 'BERADA' DI KILANG KECIL BUMIPUTERA, NASIONAL, BH -3<br>PENSTRUKTURAN SEMUAL RANTAIAN PADI, BERAS NEGARA, NASIONAL, BH -3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 4.<br>5. | 912.5kg KARKAS LEMBU DIRAMPAS, NEGERI PULAU PINANG, SH -28<br>JPV PULAU PINANG RAMPAS 912.5kg KARKAS LEMBU, LOKAL, HM -8 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 6. | ALL ABUZZ OVER POSSIBLE TAKEDOWN, NATION, THE STAR -12 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

# Harga beras putih import sudah turun: Peniaga

**Kuala Lumpur:** Rata-rata peniaga memaklumkan sudah menurunkan harga jualan beras putih import (BPI) sebanyak RM2 bagi pek 10 kilogram (kg) dan RM1 untuk pek 5kg selaras dengan hasrat kerajaan.

Peniaga, Srinu Chintapalli, 24, berkata, pihaknya kini menjual BPI untuk 10kg pada harga RM36.50 sehingga RM37.50.

"Harga beras import untuk 10kg yang paling mahal saya jual RM37.50 dan paling murah ialah RM36.50.

"Bagi beras pek 5kg, sebelum ini saya jualnya pada harga RM17.50 tetapi kini turun kepada RM16.50," katanya ditemui di Chow Kit, semalam.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu mengumumkan penurunan harga beras import antara RM2 hingga RM3 yang dimuktamadkan melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Mengulas lanjut, Srinu berkata, walaupun harga BPI mengalami penurunan, tetapi masih ramai yang tidak mengetahuinya.

Seorang lagi peniaga, Banu Abd Ajis, 55, berkata, dia juga sudah menurunkan harga BPI sebanyak RM2 bagi beras pek 10kg dan RM1 untuk pek 5kg.

"Sebagai contoh, bagi beras 10kg Cap Masjid, harga terkini ialah RM37.50 berbanding sebelum ini iaitu RM39.50.

"Manakala bagi beras Jati (pek) biru, harga terkini adalah RM38 berbanding sebelum ini iaitu RM40," katanya.

Menurutnya, bagi beras pek 5kg Cap Masjid, dia menjualnya pada harga RM19.50 berbanding RM20.50 sebelum ini.

"Beras Jati untuk pek 5kg terkini ialah RM20 berbanding RM21 sebelum ini," katanya.

Dia juga mengakui ramai yang belum sedar bahawa BPI sudah mengalami penurunan harga disebabkan jumlah RM1 ke RM2 itu adalah kecil.

"Orang ramai pun tak sedar harga beras ini sudah turun sebab RM1 ke RM2 ini tak banyak. Daripada segi untung pula, kami yang menjual beras ini tidak untung sangat. Hanya peroleh 50 sen ke RM1 sahaja daripada penjualannya," katanya.

Sementara itu, pelanggan yang juga kakitangan kerajaan, Mohd Rizuan Abd Halim, 36, mengatakan, penurunan harga ini membantu meringankan beban perbelanjaan hariannya.

Katanya, ini disebabkan harga BPI di pasaran sebelum ini sangat mahal.

"Bila harga beras turun, ia kurangkan sedikit beban saya. Sebelum ini harga BPI ini sangat mahal sampai RM40 untuk pek 10kg.

"Jadi, langkah yang diambil oleh kerajaan mengurangkan harga BPI ini bagus," katanya.



SRINU memaklumkan kini menjual BPI untuk 10kg pada harga RM36.50 sehingga RM37.50.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2024 | SINAR HARIAN | NEGERI P.PINANG | 28 |

Disembelih di rumah penyembelihan tanpa lesen

# 912.5kg karkas lembu dirampas

Oleh SYAJARATUL HUDA MOHAMAD ROSLI
BUKIT MERTAJAM

PA HABAQ

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) merampas 912.5 kilogram (kg) karkas lembu bernilai RM36,500 dalam serbuan yang dijalankan berhampiran sebuah pasar di sini pada Ahad.

Pengarahnya, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, karkas itu ditemui selepas sepasukan anggota penguat kuasa JPV Pulau Pinang menahan sebuah kenderaan pacuan empat roda jenis Isuzu pada jam 6.20 pagi.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, kesemua karkas lembu itu disyaki bukan disembelih di rumah penyembelihan diluluskan atau yang dilesenkan.

"Kita merampas kesemua karkas berkenaan kerana ia didapati tidak diuruskan mengikut undang-undang yang telah ditetapkan.

"Kesemua rampasan dibawa ke Pejabat JPV Pulau Pinang untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.



**Pegawai JPVPP memeriksa 912.5kg karkas lembu dirampas ketika serbuan yang dijalankan berhampiran sebuah pasar di Bukit Mertajam pada Ahad.**

Tambah Saira, rampasan karkas lembu dan kenderaan yang disita dianggarkan bernilai RM81,500.

"Kes ini adalah rampasan terbesar yang dijalankan oleh JPVPP untuk tahun ini. Kes disiasat mengikut Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah binatang (Kawalan penyembelihan 2009)," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/3/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

# JPV Pulau Pinang rampas 912.5kg karkas lembu

**Bukit Mertajam:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang merampas 912.5 kilogram (kg) karkas lembu bernilai RM36,500 dalam serbuan berhampiran sebuah pasar, di sini, semalam.

Dalam serbuan jam 6.20 pagi, anggota penguatkuasa JPVPP menahan sebuah pacuan empat roda sebelum pemeriksaan lanjut menemui karkas berkenaan.

Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, pemeriksaan mendapati karkas lembu itu dipercayai bukan disembelih di rumah penyembelihan yang diluluskan atau dilesenkan oleh JPV.

Menurutnya, pihaknya merampas karkas lembu berkenaan untuk tindakan lanjut.

"Nilai rampasan karkas lembu dan kenderaan dianggarkan RM81,500. Kes ini adalah rampasan terbesar yang dijalankan oleh pihaknya untuk tahun ini," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah binatang (Kawalan Penyembelihan 2009).



ANGGOTA JPVPP memeriksa karkas lembu yang dirampas dalam serbuan di Bukit Mertajam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2024 | THE STAR | NATION | 12 |


# All abuzz over possible takedown

## Bee farm owner in tussle with authorities

By MANJIT KAUR
manjit@thestar.com.my

**IPOH:** A bee farm set up decades ago is expected to be demolished amid conflicting views by the owner and the authorities.

Located a stone's throw away from the Rose Garden, the Tringkap Bee Farm consists of a museum, souvenir corner, honey production area, as well as a small strawberry and vegetable farm.

It is well-known for its bee show, which involves covering the owner, Leong Chee Kin, with bees.

Leong, 45, who is also the Tringkap village chief, said his grandmother founded the business decades ago.

He then took over the farm from his father, which he has been running on a temporary occupation license (TOL) until 2020.

"From 2020, I have been paying RM3,024 yearly to the Cameron Highlands Development Corporation (PKCH) for land leases for agriculture use," he said when contacted.

However, he said that five people claiming to be enforcement officers from Kuantan visited his farm on March 14 and told him that the structures and the farms would be demolished tomorrow.

"I am not sure which department they represented but they only gave verbal notification, without any notice issued or proper explanation given," he claimed.

On March 15, Leong filed a police report at the Brinchang police station, claiming that the local authorities had not provided him with a proper explanation of the situation.

Tanah Rata assemblyman Ho Chi Yang said the officers that visited the farms were from the Pahang State Enforcement Unit (UPNP).

He said the unit, which has been directly under the state government since 2019, had issued verbal warnings about developments on state land.

The Cameron Highlands District and Land Office responded to the issue on Saturday, stating that enforcement action would be taken against two farms, Tringkap Bee Farm and LMY Aloe Vera Vege Farm.

The statement sent to *The Star* said demolition works would only be carried out if the farmers failed to dismantle the structures themselves within 27 days, from Feb 27 to March 25.

"Verbal notices were given three times by the UPNP on Feb 27, March 7, and March 14.

"Under Section 425 of the National Land Code, it is not compulsory for the government to issue any notice for such an action.

"The TOL approval is conducted yearly. Licence holders have been informed that they are required to vacate the area when instructed by the government.

"The farmers that developed the stalls at the site do not have approval to do so.

"The government, however, has taken additional initiatives for the welfare of the farmers.

"Although the government is not obliged to do so for premises that have no TOL, expired ones, or have been stopped from using (such) permits," read the statement.

It was stated that the farmers involved in the operation were offered alternative sites in the form of agricultural land by Pahang Corporation Sdn Bhd in Tringkap, measuring 1.2ha compared to the current land that they are occupying, which is only 0.4ha – more than enough to plant vegetables and fruits such as strawberries, as well as to make room for running a bee farm.

"The lease with PKCH is for 30 years but the approval is subject to cancellation or withdrawal for purposes related to any government projects," added the statement.



**Making a beeline:** Visitors standing in a queue to enter the Bee Museum at the Tringkap Bee Farm.